


*Bukti Rajah (Hj. Rambili)*

**MAKSAK SARAWAK**  
**MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA**  
**KERAJAAN SARAWAK**  
**(Sarawak Government Services Welfare & Recreational Council)**

Pengerusi: TYT Yang Dipertua Negeri  
 :YAB Ketua Menteri Sarawak  
 Yang Dipertua: Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak  
 Pejabat Yang Dideka: Pejabat Ketua Menteri, Kuching

Alamat Urusetia:  
 Ibu Pejabat MAKSAK Sarawak  
 35 Jalan Ridgeway, 93200 Kuching  
 Tel: 082-245670/Fax: 082-257755

**Surat Kami:** MAKSAK/SN/25

**Tarikh:** 20 Februari 2012

**Hujah,**

Setiausaha  
 Kelab-Kelab Gabungan MAKSAK Sarawak

**Tuan/Puan,**

**PERTANDINGAN DART MAKSAK SARAWAK ANTARA KELAB GABUNGAN 2012**

Dengan segala hormatnya pihak kami ingin menarik perhatian tuan/puan kepada perkara yang terdapat di atas.

2. Sehubungan ini, sukacitanya pasukan kelab tuan/puan adalah dijemput untuk menyertai pertandingan tersebut. Disertakan bersama-sama ini peraturan pertandingan dan borang pendaftaran untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

**'BADAN SIHAT, MENTAL CERGAS, PRODUKTIVITI MENINGKAT'**

**Yang Benar,**


**(UDZIN BIN BUJANG)**  
 Setiausaha Kehormat  
 MAKSAK Sarawak

Is.k. YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani  
 Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Merangkap Yang Dipertua MAKSAK Sarawak

YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha  
 Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Sumber Manusia)  
 Merangkap Pengurus JK Sukan & Rekreasi MAKSAK Sarawak

Encl Michael Anding, Koordinator Dart MAKSAK Sarawak

Encl Razak bin Haji Rambili, Presiden Kelab Sukan & Rekreasi Pustaka Negeri Sarawak  
 Selaku Pengurus Pengelola Pertandingan



**MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN SARAWAK**  
*Sarawak Government Services Welfare & Recreational Council*

**Peraturan-Peraturan  
Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012**

**1. NAMA**

Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012

**2. TUJUAN**

Untuk memperkembangkan permainan dart, memblimbing bakat-bakat baru, menaikkan taraf pemain, mempelajari di antara satu sama lain mengenai teknik-teknik permainan dan mengeratkan tali persahabatan antara pegawai-pegawai kerajaan.

**3. TARikh DAN TEMPAT**

Pada 16 hingga 18 Mac 2012 di Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching di Bilik Seminar dan Auditorium Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

**4. PENGELOLA**

Kelab Sukan dan Rekreasi Kakitangan Pustaka Negeri Sarawak

**5. KELAYAKAN PEMAIN**

Sila lihat **Lampiran A**

**6. PENDAFTARAN PEMAIN**

- 6.1 Hanya pemain-pemain dari kelab-kelab gabungan MAKSAK Sarawak layak memasuki pertandingan ini di mana mereka bolehlah dipilih dari seluruh Sarawak.
- 6.2 Setiap pasukan hendaklah mengandungi 10 orang pemain termasuk pemain simpanan (minima 2 pemain wanita).
- 6.3 Setiap pemain dibenarkan bermain 2 acara (Hanya pemain-pemain yang bermain **Four Some** sahaja dibenarkan untuk bermain lebih dari 1 acara);
- 6.4 Sekiranya sesuatu kelab gabungan tidak mempunyai cukup bilangan pemain untuk menyertai, maka dua (2) buah kelab gabungan yang mempunyai masalah yang sama boleh bergabung untuk menujuh satu pasukan.

- 6.5** Untuk mendaftar pemain-pemain, borang pendaftaran yang disertakan bersama ini akan digunakan dan borang itu mesti dipenuhi dan di hantar kepada Setiausaha Pengelola selewat-lewatnya pada **15.3.2012 jam 2.30 petang** dengan bayaran masuk sebanyak **RM150.00** bagi setiap pasukan.

## **7. SUSUNAN DAN FORMAT PERTANDINGAN**

- 7.1** Susunan perlawanan di sepanjang kejohanan adalah seperti berikut:

- a. Empat Sepasukan / *Mixed Foursome* (3 Lelaki & 1 Wanita) : 1001 x 1
- b. Perseorangan Pertama / *1<sup>st</sup> Single (Lelaki)* : 501 x 3
- c. Bergu Lelaki / *Men's Double 1* : 501 x 3
- d. Bergu Campuran / *Mixed Double* : 501 x 3
- e. Bergu Lelaki / *Men's Double 11* : 501 x 3

Nota: Tarikh Pertandingan : 17 & 18 Mac 2012 @ 9.00 pagi hingga 6.00 petang

Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Pengangur berhak meminda susunan perlawanan berdasarkan keadaan semasa pertandingan dijalankan.

## **8. CARA PERTANDINGAN**

- 8.1** Pertandingan ini adalah berdasarkan kepada **best of 2 set** bagi acara **Perseorangan** dan **Bergu** sahaja. Acara **Empat Sepasukan** hanya **satu set** sahaja.
- 8.2** Pihak Pengangur berhak menetapkan kaedah yang difikirkan perlu sekiranya masa yang diperuntukkan telah tamat dan berlanjutan terlalu lama untuk menentukan siapa pemenang perlawanan tersebut. Ianya bertujuan bagi memastikan jadual perlawanan lain tidak terjejas dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 8.3** Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan kepada 8 kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 4 Pasukan masing-masing (bergantung kepada penyertaan). Semua perlawanan di peringkat awal akan dijalankan secara liga kumpulan.
- 8.4** Johan dan Naib Johan setiap Kumpulan di peringkat awal akan layak ke pusingan Suku-Akhir. Pusingan Suku-Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan dijalankan secara Kalah-Mati.

## **9. PEMBERIAN MATA DAN MENENTUKAN PEMENANG**

- 9.1** Setiap pasukan yang bertanding akan diberi mata berdasarkan format berikut:

- a. Menang - 1 mata
- b. Kalah - 0 mata

- 9.2** Sekiranya terdapat lebih daripada satu pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama maka kaedah berikut akan digunakan:

- a. Jumlah set menang bagi semua perlawanan;
- b. Set kalah bagi semua perlawanan;
- c. Nisbah set.

- 9.3 Sekiranya selepas kiraan tersebut di atas masih berlaku seri untuk 2 pasukan maka pasukan yang menang dalam perlawanan di antara mereka dikira menang. Sekiranya 3 pasukan yang berkedudukan seri maka undian akan dijalankan untuk menentukan pemenang atau melalui kaedah yang ditentukan oleh penganjur.

## 10 MASA PERTANDINGAN

- 10.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan.
- 10.2 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di gelanggang permaisuri **30 minit** sebelum perlawanan dimulakan.
- 10.3 Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah menyerahkan nama-nama pemain kepada Pengadil Rasmi **30 minit** sebelum perlawanan dimulakan.
- 10.4 Pasukan yang gagal hadir di gelanggang pada masa yang dijadualkan akan diberi masa tangguhan selama **15 minit**. Jika setelah tamat masa tidak juga hadir maka kemenangan percuma akan diberi kepada pasukan lawan yang hadir.

## 11 PENANGGUHAN PERLAWANAN

Jawatankuasa Pertandingan akan memutuskan kedudukan perlawanan yang perlu ditangguhkan oleh Pengadil kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

## 12 PENGADILAN

Pihak Jawatankuasa Penganjur akan menyediakan **Urusetia Teknikal** di sepanjang pertandingan yang akan diadakan. Keputusan pengadil adalah muktamad. Walaubagaimanapun, setiap pasukan dikehendaki menyediakan seorang wakil untuk menjadi **Chalker** (Pengira) semasa perlawanan masing-masing dijalankan. Pasukan yg menang dlm sesuatu akan menjadi chalker utk game seterusnya.

## 13 PERALATAN PERTANDINGAN

Pihak Jawatankuasa Penganjur hanya akan menyediakan Papan Dart sahaja. Peserta dikehendaki membawa Dart sendiri.

## 14 HADIAH

Hadiyah akan diberikan kepada pemenang-pemenang dari Pertama hingga Ketiga bersama sahaja.

## 15 BANTAHAN

Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada Pengadil yang bertugas. Kemudian bantahan tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengurusi Jawatankuasa Penganjur tidak lewat daripada **30 minit** selepas tamat pertandingan tersebut. Surat bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus atau Ketua Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak **RM200.00 (tunai)**. Wang cagaran ini tidak akan dikembalikan samada bantahan itu gagal atau ditolak.

**16 JAWATANKUASA BANTAHAN & TATATERTIB**

Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Penganjur/Wakil  
 Ahli-Ahli : Pengerusi Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan /Wakil  
 Setiausaha Jawatankuasa Penganjur/Wakil

**17 TATATERTIB SEPANJANG PERTANDINGAN**

- 17.1 Setiap pemain dikehendaki mematuhi etika berpakaian iaitu memakai baju/t-shirt berkollar, tidak dibenarkan menggunakan jeans, berselipar dan bertopi sepanjang pertandingan berlangsung.
- 17.2 Pegawai dan pemain yang didapati berada di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan sedang berjalan, akan *disqualified* dari seluruh pertandingan. Seluruh pasukan akan dibatalkan penyertaannya dari pertandingan dan surat pembatalan penyertaan akan dihantar ke Ketua Jabatan.
- 17.3 Pemain tidak dibenarkan bisling atau membuat kacau semasa pertandingan berlangsung.
- 17.4 Pemain perlu memastikan telefon bimbit dalam keadaan *silent mode*.

**18 PENYERTAAN**

Tarikh tutup penyertaan pada **15.3.2012 (Khamis)**, jam **2.30 ptg**.

**19 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

Mesyuarat dan Taklimat Ringkas akan diadakan pada **15.3.2012 (Khamis)** jam **2.30 ptg** di Bilik Seminar, Pustaka Negeri, Petra Jaya, Kuching.

**20 HAK JAWATANKUASA PENGANJUR**


Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda atau menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

**21 PERINTAH AM**

Sepanjang pertandingan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Urusetia MAKSAK Sarawak atau Urusetia Pertandingan akan memanjangkan laporan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan, sekiranya terdapat pegawai atau para peserta yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib serta peraturan-peraturan pertandingan yang berkenaan.


**UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGKU:-**

1. Encik Razak Hj. Rambili, Pengurus Pengelola,  
Tel.Pejabat: 082-442000(Pejabat), Tel.Bimbit: 0198441048
2. Encik Daut Bogol,  
Tel.Pejabat: 082-442000(Pejabat)

**Lampiran A****KELAYAKAN PEMAIN**

Dibawah ialah panduan peraturan-peraturan untuk menentukan kelayakan seorang pemain yang boleh mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan anjuran MAKSAK Sarawak:-

- a. Seorang pegawai kerajaan berwarganegara Malaysia yang berkhidmat dan menerima gaji daripada Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan-Badan Berkanun/ Kuasa-Kuasa Tempatan/Angkatan Tentera yang mana kelab-kelab sukan dan kebajikan badan-badan yang berkenaan adalah bergabungan dengan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Sarawak (MAKSAK SARAWAK).
- b. Pegawai yang berkenaan adalah seorang ahli kelab jabatan masing-masing atau kelab sukan dari kebajikan yang dibenarkan oleh MAKSAK Sarawak.
- c. Seorang pemain yang bertukar sementara dari luar Negeri Sarawak atau memegang jawatan sementara, maka dia bolehlah mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh MAKSAK Sarawak jika dia telah berada di Sarawak atau memegang jawatan itu tidak kurang dari 60 hari berterusan sebelum tarikh kegiatan-kegiatan itu dimulakan.
- d. Pemain-pemain yang berikut tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh MAKSAK Sarawak:
  - i. Seorang yang sedang dalam latihan dan hanya menerima elauan seperti jururawat pelatih atau guru pelatih;
  - ii. Seorang pekerja di syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan, badan berkanun atau kuasa tempatan, **kecuali yang telah mendapat kebenaran khas daripada Urusetia MAKSAK Sarawak;**
  - iii. Seorang pegawai pinjaman dari sesebuah syarikat yang tidak menerima gaji di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Sistem Saraan Baru;
  - iv. Seorang yang telah digantung (*suspended*) dari bermain atas sebab tatatertib oleh sesebuah persatuan sukan Kebangsaan/Negeri/Bahagian/Daerah/Badan Gabungan atau Jabatan Kerajaan yang berkenaan.
- e. Bagi mengawal peraturan (b) di atas, dicadangkan bahawa semua kelab gabungan mengemukakan senarai nama-nama ahli kelab masing-masing kepada Urusetia MAKSAK Sarawak atau memberikan kad keahlian kelab masing-masing kepada mereka yang mewakili kelab itu.
- f. Sekiranya sesuatu pasukan yang melanggarkan peraturan ini, maka keseluruhan pasukan berkenaan akan disingkirkan dalam semua perlawanannya. Semua keputusan yang terdapat oleh pasukan tersebut akan dibatalkan.

**Borang Pendaftaran**

(Sila kembalikan borang ini sebelum atau pada 15.3.2012 (Khamis), jam 2.30 petang)  
No. Faks : 082-449944

**NAMA KELAB:** .....

Pengerusi Pengalola,  
Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012  
i.e. Pustaka Negeri Sarawak  
93080 Kuching.  
(U.P/I: Encik Razak bin Hajj Rambill)

**PERTANDINGAN DART MAKSAK SARAWAK ANTARA KELAB GABUNGAN 2012**

Pemain-pemain yang mewakili kelab ini dalam pertandingan tersebut di atas yang akan berlangsung di **Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching pada 16 hingga 18 Mac 2012** adalah seperti berikut:-

NRK	NAMA PEMAIN	JANTINA	JAWATAN	JABATAN
1		Lelaki		
2		Lelaki		
3		Lelaki		
4		Lelaki		
5		Lelaki		
6		Lelaki		
7		Lelaki		
8		Lelaki		
9		Wanita		
10		Wanita		

Dibentakai bersama ini Bayaran Masuk sebanyak **RM150.00** (Tunai/Cek No:.....).  
Pembayaran melalui cek hendaklah dipalang dan dialamat atas nama **'Kelab Sukan Dan Rekreasi Kakitangan Pustaka Negeri Sarawak'**.


Sekian. Terima Kasih.

Pengurus Pasukan : .....  
Alamat : .....

No. Telefon : Pej.-....., HP: .....

Tarikh: .....  
(Tandatangan Setiausaha Kelab)

Cop  
Kelab



**Peraturan-Peraturan  
Pertandingan Dart Terbuka Perseorangan 2012**

**1. NAMA PERTANDINGAN**

Pertandingan Dart Terbuka Perseorangan 2012

**2. PENGANJUR**

Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka Negeri Sarawak

**3. TARikh/MASA PERTANDINGAN**

Diadakan pada 16 hingga 18 Mac 2012.

Perlwanan Awal – Suku Akhir : 16 & 17 Mac 2012 @ 7 malam – 11.00 malam

Perlwanan Akhir : 18 Mac 2012 mulai jam 4.00 petang

**4. TEMPAT**

Bilik Seminar Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching

**5. KELAYAKAN PESERTA**

Terbuka kepada semua peserta yang telah bermain di acara berpasukan sahaja.

**6. PENYERTAAN DAN CABUTAN UNDI**

6.1. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 30.00 untuk seorang pemain.

6.2. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15.3.2012 (Khamis), jam 2.30 petang.

6.3. Cabutan Undi akan dibuat pada 15.3.2012 (Khamis) di Bilik Seminar, Pustaka Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

**7. FORMAT DAN CARA PERTANDINGAN**

7.1. Pertandingan akan dibuat secara kalah-mati.

7.2. Format pertandingan adalah seperti berikut:-

- Perlwanan Pertama hingga Suku Akhir : 501 x 3 (Kalah Mati)

- Perlwanan Separuh Akhir hingga Akhir : 501 x 5

**8. PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Jawatankuasa Pertandingan akan memutuskan kedudukan perlwanan yang perlu ditangguhkan oleh Pengadil kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dilelakkan.

**9. PERALATAN PERTANDINGAN**


Pihak Jawatankuasa Pengelola hanya akan menyediakan Papan Dart sahaja. Peserta dikehendaki membawa Dart sendiri.

**10. HADIAH**

Hadiyah akan diberikan kepada pemenang-pemenang dari Pertama hingga Ketiga bersama sahaja.

**11. MAK JAWATANKUASA PENGANJUR**

Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda atau menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.



**BORANG PENDAFTARAN**  
**PERTANDINGAN DART TERBUKA PERSEORANGAN 2012**

*(Sila kembalikan borang ini sebelum atau pada 15.3.2012(Khamis), jam 2.30 petang)*  
 No. Faks : 082-449944

Pengerusi Pengelola

Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012

d/a: Pustaka Negeri Sarawak

93050 Kuching.

(U.P.: Enak Razak Haji Rambili)

**PERTANDINGAN DART TERBUKA PERSEORANGAN 2012**

Pemain-pemain yang mengikuti pertandingan tersebut di atas adalah seperti berikut:-

NRK	NAMA PEMAIN	NO. KPT	JABATAN	NO. H/P
1				
2				
3				
4				
5				

Bayaran masuk : RM 30.00 seorang

Tarikh tutup : 15.3.2012 (Khamis), jam 2.30 petang

Nama Pengurus : .....

Alamat : .....

No. Telefon : Pej.-..... HP:.....

Dibentangkan bersama ini Bayaran Masuk sebanyak RM 30.00 (Tunai) .

Saya telah membaca dan memahami semua peraturan pertandingan.

Selesa. Terima Kasih.

Tarikh: .....

Tandatangan Pengurus